

## Notis Perlindungan Maklumat Peribadi Pemohon

**Tarikh Terakhir Dikemas Kini: November 2018**

Warner Music Group Corp. ("**Syarikat**," dan bersama-sama dengan ahli-ahli gabungannya secara kolektif, "**WMG**") menghargai kepercayaan anda dan amat komited untuk menguruskan, menggunakan dan melindungi maklumat peribadi dalam cara yang penuh bertanggungjawab. Notis Perlindungan Maklumat Peribadi Pemohon ("**Notis**") ini menerangkan amalan kami berhubung dengan semua maklumat yang dikumpul oleh Syarikat di luar talian berhubung dengan permohonan anda untuk pekerjaan atau jawatan sebagai intern di WMG. Maklumat peribadi yang diserahkan di halaman lain di laman web WMG akan digunakan selaras dengan [Privacy Policy](#) am dalam talian kami.

### **MAKLUMAT PERIBADI YANG DIKUMPUL OLEH KAMI**

Berkaitan dengan permohonan anda, maklumat yang kami kumpul termasuk:

#### **Maklumat Yang Anda Berikan**

- Nama, alamat, nombor telefon, alamat e-mel, dan maklumat hubungan lain;
- Sumber permohonan;
- URL media sosial dan rangkaian (seperti LinkedIn, Facebook, dll.);
- Nama pengguna dan kata laluan;
- Status kebenaran kerja;
- CV, résumé, surat iringan, pengalaman kerja lampau dan maklumat pendidikan;
- Fail video dan audio yang diserahkan oleh anda atau dirakamkan sebagai sebahagian daripada proses permohonan dan temuduga;
- Kemahiran;
- Lesen, permit dan sijil profesional dan lesen, permit dan sijil lain yang berkaitan;
- Keputusan dan nota penilaian daripada aktiviti pemilihan lain yang mungkin disertai oleh anda dalam proses perekrutan dan pemilihan;
- Maklumat berkaitan dengan penyokong; dan
- Sebarang maklumat lain yang dipilih untuk diberikan oleh anda kepada kami (contohnya, pilihan pekerjaan, minat dalam peluang pekerjaan)

sementara, kesanggupan untuk berpindah, gaji semasa, gaji yang diinginkan, pakej manfaat semasa dan diinginkan, anugerah atau keahlian profesional).

Kami juga boleh membuat pertanyaan tentang rekod jenayah dan laporan kredit. Kami hanya akan berbuat demikian jika dibenarkan oleh undang-undang yang berkuat kuasa. Dalam keadaan tertentu kami akan bertanya soalan secara sukarela tentang bangsa/asal usul etnik dan jantina pemohon kami untuk memantau peluang sama rata, seperti yang dibincangkan di bawah dalam bahagian "**Pempelbagaian**".

Sebaliknya, kami meminta agar anda mengelakkan diri daripada memberikan maklumat yang mungkin dianggap maklumat sensitif di bawah undang-undang yang berkuat kuasa, kecuali jika maklumat sedemikian dikehendaki di sisi undang-undang atau jika diberikan secara sukarela oleh anda untuk menyokong usaha mempelbagaian dan keterangkuman kami. Maklumat sensitif termasuk bangsa, agama, asal usul etnik, kewarganegaraan atau negara asal, umur, identiti jantina, hubungan atau amalan seks atau orientasi seksual, status perkahwinan, maklumat perubatan atau kesihatan (termasuk status ketidakupayaan), maklumat genetik atau biometrik, templat biometrik, kepercayaan politik atau falsafah, keahlian parti politik atau kesatuan sekerja, data kehakiman seperti rekod jenayah atau maklumat mengenai prosiding kehakiman atau prosiding pentadbiran lain.

Apa-apa maklumat yang anda berikan melalui Laman 'Careers' atau di luar talian berkaitan dengan proses permohonan hendaklah benar, lengkap dan tidak memperdaya. Pemberian maklumat yang tidak tepat, tidak lengkap atau memperdaya mungkin menyebabkan permohonan ini ditolak semasa proses permohonan atau membangkitkan tindakan tatatertib, termasuk penamatan pekerjaan serta-merta setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkuat kuasa. Di samping itu, anda bertanggungjawab memastikan bahawa maklumat yang anda berikan tidak melanggar hak mana-mana pihak ketiga.

Jika anda berikan kepada kami maklumat peribadi mengenai penyokong atau mana-mana individu lain sebagai sebahagian daripada permohonan anda, anda bertanggungjawab mendapatkan kebenaran daripada individu tersebut sebelum memberikan maklumat kepada kami.

### **Maklumat daripada Sumber Lain**

Bagi tujuan laporan semakan latar belakang berhubung dengan permohonan anda dan sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkuat kuasa, WMG mendapatkan maklumat tentang anda daripada sumber lain.

Sumber lain termasuk:

- Penyokong anda;
- Bekas majikan;
- Institusi pendidikan yang anda masuki;
- Organisasi profesional, pelesenan atau akreditasi; dan
- Laporan semakan latar belakang; sejarah jenayah; laporan kredit (untuk jawatan tertentu) dan laporan bukti identiti.

## **PENGGUNAAN MAKLUMAT**

Kami mengumpul dan memproses maklumat tentang anda atas satu atau lebih sebab berikut:

- a) Kerana anda dengan sukarela memberikan maklumat ini dan membenarkan kami memprosesnya;
- b) Kerana maklumat ini perlu untuk mengambil langkah atas permintaan anda sebelum memasuki perhubungan pekerjaan atau jawatan intern;
- c) Kerana maklumat ini khususnya penting buat kami dan kami mempunyai kepentingan khusus yang sah di sisi undang-undang untuk memprosesnya;
- d) Untuk mematuhi kewajipan undang-undang; atau
- e) Jika perlu untuk melindungi kepentingan vital mana-mana orang.

Jika pengumpulan atau pemprosesan adalah berdasarkan kebenaran anda, anda boleh menarik balik kebenaran anda pada bila-bila masa setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkuat kuasa.

Maklumat yang anda berikan di Laman 'Careers' atau di luar talian berkaitan dengan proses permohonan akan digunakan bagi tujuan perekrutan kakitangan, pengurusan dan perancangan global WMG, seperti yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkuat kuasa, termasuk:

- Untuk memproses permohonan anda. Kami akan melaksanakan aktiviti ini untuk menguruskan perhubungan pekerjaan atau intern yang bakal dimasuki dengan anda, berdasarkan kepentingan sah kami;
- Untuk menilai keupayaan dan kelayakan anda untuk sesuatu pekerjaan. Kami akan melaksanakan aktiviti ini untuk menguruskan perhubungan pekerjaan atau intern yang bakal dimasuki dengan anda, berdasarkan kepentingan sah kami

- Untuk menjalankan semakan perakuan. Kami akan melaksanakan aktiviti ini untuk mematuhi kewajipan undang-undang atau berdasarkan kepentingan sah kami;
- Untuk membalas pertanyaan anda dan berkomunikasi dengan anda tentang permohonan anda, dan menghantar maklumat kepada anda tentang Laman 'Careers' dan perubahan pada terma-terma dan dasar kami. Kami akan melaksanakan aktiviti ini untuk menguruskan perhubungan pekerjaan atau intern yang bakal dimasuki dengan anda;
- Untuk mematuhi atau memantau kepatuhan dengan sebarang undang-undang atau peraturan yang berkuat kuasa. Kami akan melaksanakan aktiviti ini untuk mematuhi kewajipan undang-undang atau berdasarkan kepentingan sah kami;
- Untuk melaksanakan semakan latar belakang jika kami menawarkan jawatan kepada anda. Kami akan melaksanakan aktiviti ini untuk mematuhi kewajipan undang-undang atau berdasarkan kepentingan sah kami; and
- Untuk memelihara kepentingan sah kami yang lain, contohnya, bagi tujuan pentadbiran WMG, pelaporan pengurusan agregat, latihan dalaman, dan sebagaimana yang secara amnya dikehendaki untuk menjalankan perniagaan kami di dalam Syarikat dan ahli-ahli gabungannya.

Maklumat tentang anda akan dimasukkan ke dalam pangkalan data calon antarabangsa kami yang mungkin digunakan untuk mempertimbangkan anda untuk jawatan di Syarikat dan ahli-ahli gabungannya selain daripada jawatan yang dipohon oleh anda. Jika anda tidak mahu kami berbuat demikian, sila hubungi [recruitment@wmg.com](mailto:recruitment@wmg.com). Maklumat yang dikumpul tentang anda juga digunakan oleh kami untuk menganalisis balasan kepada iklan jawatan dan untuk mewujudkan laporan statistik mengenai pemohon.

Jika kami mengambil anda sebagai kakitangan, maklumat peribadi yang kami kumpul berkaitan dengan permohonan anda akan digabungkan ke dalam sistem sumber manusia kami dan digunakan untuk menguruskan proses kakitangan baharu; sebarang maklumat sedemikian boleh menjadi sebahagian daripada fail pekerja anda dan digunakan bagi tujuan lain yang berkaitan dengan pekerjaan.

Pemberian maklumat peribadi kepada kami melalui Laman 'Careers' atau di luar talian berhubung dengan proses permohonan adalah secara sukarela. Walau bagaimanapun, jika anda tidak memberikan maklumat yang cukup, kami mungkin tidak dapat mempertimbangkan permohonan pekerjaan anda atau, jika anda diambil bekerja, kenaikan pangkat, pertukaran atau pemindahan anda selepas itu.

## PENDEDAHAN DAN PEMINDAHAN MAKLUMAT

Syarikat berkongsi maklumat peribadi dengan ahli-ahli gabungan yang terlibat dalam langkah menilai calon untuk jawatan tertentu untuk menguruskan sebarang permohonan pekerjaan dan, secara amnya, proses perekrutan. Syarikat akan terus bertanggungjawab atas maklumat peribadi yang digunakan bersama-sama dengan ahli-ahli gabungan. Anda boleh melihat senarai dan lokasi ahli-ahli gabungan kami di <https://wminewmedia.com/affiliates>.

Kami akan membataskan akses terhadap maklumat peribadi kepada kakitangan dengan keperluan perniagaan untuk mengetahui maklumat tersebut bagi tujuan yang diterangkan dalam Notis ini, termasuk kakitangan dalam jabatan perekrutan, sumber manusia dan teknologi maklumat, dan jabatan yang bertanggungjawab terhadap jawatan yang dipohon oleh anda dan kekosongan lain yang mungkin layak diisi oleh anda.

Syarikat juga berkongsi maklumat peribadi dengan penyedia perkhidmatan pihak ketiga kami yang menyediakan perkhidmatan seperti pengehosan dan pengendalian Laman 'Careers', bantuan perekrutan, pemprosesan semakan latar belakang, dan perkhidmatan yang serupa, selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

Pendedahan maklumat peribadi anda mungkin merangkum pemindahan maklumat peribadi ke negara-negara lain, termasuk Amerika Syarikat atau mana-mana negara lain di mana kami atau penyedia perkhidmatan kami beroperasi. Jika anda berada di dalam Kawasan Ekonomi Eropah ("EEA") ini mungkin termasuk negara-negara di luar EEA. Seseengah negara-negara ini diiktiraf oleh Suruhanjaya Eropah sebagai menyediakan tahap perlindungan data yang mencukupi menurut piawaian EEA (senarai lengkap negara-negara ini boleh didapati di: [https://ec.europa.eu/info/law/law-topic/data-protection/data-transfers-outside-eu/adequacy-protection-personal-data-non-eu-countries\\_en](https://ec.europa.eu/info/law/law-topic/data-protection/data-transfers-outside-eu/adequacy-protection-personal-data-non-eu-countries_en).) Bagi pemindahan ke negara-negara lain, kami telah melaksanakan langkah yang mencukupi, seperti klausa kontrak standard yang diterima pakai oleh Suruhanjaya Eropah, untuk melindungi maklumat anda. Anda boleh mendapatkan sesalinan langkah ini dengan menghubungi kami menggunakan salah satu cara dalam bahagian "**Hubungi Kami**" di bawah atau baca terma-terma standard di [https://ec.europa.eu/info/law/law-topic/data-protection/data-transfers-outside-eu/model-contracts-transfer-personal-data-third-countries\\_en](https://ec.europa.eu/info/law/law-topic/data-protection/data-transfers-outside-eu/model-contracts-transfer-personal-data-third-countries_en).

## **PENGGUNAAN DAN PENDEDAHAN LAIN TERHADAP MAKLUMAT**

Kami juga menggunakan dan mendedahkan maklumat peribadi anda sebagaimana yang perlu atau sesuai, terutamanya jika kami mempunyai kewajipan undang-undang atau kepentingan sah untuk berbuat demikian:

- Untuk mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa.
  - Ini mungkin termasuk undang-undang di luar negara kediaman anda.
- Untuk membalas permintaan daripada pihak berkuasa awam dan kerajaan.
  - Ini mungkin termasuk pihak berkuasa di luar negara kediaman anda.
- Untuk bekerjasama dengan penguatkuasaan undang-undang.
  - Contohnya, apabila kami menerima permintaan dan perintah penguatkuasaan undang-undang.
- Untuk sebab-sebab sah yang lain.
  - Untuk menguatkuasakan terma-terma dan syarat-syarat kami; dan
  - Untuk melindungi hak, privasi, keselamatan atau harta kami, dan/atau hak, privasi, keselamatan atau harta ahli-ahli gabungan kami, anda dan orang lain.
- Berhubung dengan transaksi jualan atau perniagaan.
  - Kami mempunyai kepentingan sah untuk mendedahkan atau memindahkan maklumat peribadi anda kepada pihak ketiga jika berlaku sebarang penyusunan semula, percantuman, penjualan, usaha sama, penyerahan hak, pemindahan atau pelupusan lain terhadap semua atau mana-mana bahagian perniagaan, aset atau stok kami (termasuk berhubung dengan apa-apa prosiding kebangkrapan atau prosiding yang serupa).

## **PENYIMPANAN DATA**

Kami akan menyimpan maklumat peribadi selama mana yang perlu bagi memenuhi tujuan yang digariskan dalam Notis ini kecuali tempoh penyimpanan yang lebih lama dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang. Kriteria yang digunakan untuk menentukan tempoh penyimpanan kami adalah: (i) tempoh proses permohonan; (ii) selagi kami mempunyai perhubungan yang berterusan dengan anda; (iii) sebagaimana yang dikehendaki oleh kewajipan undang-undang yang dikenakan ke atas kami; (iv) sebagaimana yang dinasihatkan memandangkan kedudukan undang-undang kami (seperti berkenaan dengan statut had masa yang berkuat kuasa, litigasi atau penyiasatan pengawalseliaan).

Kami juga mungkin menyimpan maklumat anda bagi tujuan mempertimbangkan sama ada kemahiran anda sesuai untuk peluang lain.

Jika anda tidak mahu kami berbuat demikian, sila hubungi [recruitment@wmg.com](mailto:recruitment@wmg.com).

Kami mungkin akan mengeluarkan maklumat peribadi bagi akaun yang tidak aktif daripada pangkalan data kami, tertakluk kepada sebarang kewajipan undang-undang atau pengawalseliaan yang berkuat kuasa. Selanjutnya, Syarikat boleh memadamkan maklumat peribadi (termasuk CV/ résumé anda) dalam pangkalan data kami pada bila-bila masa dan tanpa memberikan sebarang sebab. Oleh itu, sila simpan salinan anda sendiri terhadap maklumat peribadi yang diberikan kepada kami.

## **PENGUMPULAN MAKLUMAT SECARA PASIF: 'COOKIES' DAN TEKNOLOGI YANG SERUPA**

Kami dan penyedia perkhidmatan kami mungkin menggunakan “cookies” dan teknologi yang serupa di Laman ‘Careers’. Sila lihat [Cookie Policy](#) kami untuk maklumat lanjut.

## **PILIHAN DAN AKSES**

Jika anda mendaftar diri di Laman ‘Careers’, anda boleh mengakses, menyemak dan mengubah maklumat peribadi anda yang disimpan di dalamnya dengan log masuk ke dalam Laman ‘Careers’ dan mengemaskinikan maklumat akaun anda. Profil yang dikemaskinikan akan digunakan sebagai ‘default’ apabila anda selepas itu memohon pekerjaan menggunakan akaun anda dalam talian. Untuk mengubah maklumat peribadi yang telah anda berikan supaya dapat dipertimbangkan untuk jawatan khusus, sila kemaskinikan profil anda dan hantar semula permohonan anda untuk jawatan tersebut. Kami menggalakkan anda supaya dengan segera mengemaskinikan maklumat peribadi anda jika maklumat tersebut berubah atau tidak tepat.

Jika anda ingin meminta untuk menyemak, membetulkan, mengemaskinikan, menyekat, membataskan atau memadamkan maklumat peribadi, membantah pemprosesan maklumat peribadi, atau jika anda ingin meminta untuk menerima sesalinan elektronik maklumat peribadi anda bagi tujuan menghantarnya ke syarikat lain (sejauh mana hak pemindahan data ini disediakan kepada anda oleh undang-undang yang berkuat kuasa), anda boleh menghubungi kami di [recruitment@wmg.com](mailto:recruitment@wmg.com) atau Warner Music Group Corp., Attn: Talent Acquisition, 1633 Broadway, 7<sup>th</sup> Floor, New York, NY 10019. Kami akan membalas permintaan anda dalam cara yang konsisten dengan undang-undang yang berkuat kuasa.

Dalam permintaan anda, sila nyatakan dengan jelas apakah maklumat peribadi yang ingin anda akses atau ubah, sama ada anda ingin maklumat peribadi yang telah diberikan oleh anda kepada kami disekat daripada pangkalan data kami, atau apakah had yang sebaliknya ingin anda kenakan terhadap penggunaan maklumat peribadi anda oleh kami. Untuk perlindungan anda, kami hanya melaksanakan permintaan berkenaan dengan

maklumat berkaitan dengan alamat e-mel khusus yang anda gunakan untuk menghantar permintaan anda, dan kami mungkin perlu menentusahkan identiti anda sebelum memenuhi permintaan anda. Sila ambil maklum bahawa maklumat peribadi tertentu mungkin dikecualikan daripada permintaan sedemikian, selaras dengan undang-undang perlindungan data yang berkuat kuasa atau undang-undang dan peraturan lain.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN UNTUK EEA**

Anda juga boleh:

- Menghubungi kami di [recruitment@wmg.com](mailto:recruitment@wmg.com) dengan apa-apa soalan tentang Notis ini.
- Individu di Jerman, Austria atau Switzerland boleh menghubungi DPO kami di Jerman, Melanie Ludolph, melalui [mludolph@intersoft-consulting.de](mailto:mludolph@intersoft-consulting.de).
- Membuat aduan dengan pihak berkuasa perlindungan data untuk negara atau rantau anda, atau di tempat di mana salah laku yang dikatakan berlaku. Suatu senarai pihak berkuasa perlindungan data boleh didapati di [http://ec.europa.eu/newsroom/article29/item-detail.cfm?item\\_id=612080](http://ec.europa.eu/newsroom/article29/item-detail.cfm?item_id=612080).

## **KESELAMATAN**

Kami berusaha untuk melaksanakan langkah organisasi, teknikal dan pentadbiran yang munasabah untuk melindungi maklumat peribadi dalam organisasi kami. Malangnya, sistem penghantaran dan penyimpanan data tidak dapat dijamin 100% selamat. Jika anda mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa interaksi anda dengan kami tidak lagi selamat (contohnya jika anda berpendapat bahawa keselamatan apa-apa akaun anda dengan kami telah terjejas), sila maklumkan kami dengan serta-merta tentang masalah ini dengan menghubungi kami selaras dengan bahagian **“Hubungi Kami”** di bawah.

Syarikat dengan ini menafikan, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang tempatan, sebarang liabiliti terhadapnya dan ahli-ahli gabungannya dan kontraktor-kontraktornya untuk sebarang maklumat peribadi yang dikumpul oleh kami berhubung dengan permohonan anda yang hilang, disalahgunakan, diakses dengan menyalahi undang-undang, didedahkan, dipinda atau dimusnahkan atau tidak dihantar tepat pada masanya ke Laman ‘Careers’ kami.

## **PAUTAN KE LAMAN-LAMAN WEB PIHAK KETIGA**

Notis ini tidak menangani, dan kami tidak bertanggungjawab atas, privasi, maklumat atau amalan lain oleh mana-mana pihak ketiga, termasuk mana-mana pihak ketiga yang mengendalikan sebarang laman web atau



perkhidmatan yang dipautkan di Laman 'Careers'. Kemasukan sesuatu pautan di Laman 'Careers' tidak menandakan bahawa Syarikat atau ahli-ahli gabungan kami menyokong laman atau perkhidmatan yang dipaut. Kami menggalakkan anda membaca notis undang-undang yang diletakkan di laman tersebut, termasuk dasar privasi mereka.

## **PEMPELBAGAIAN**

Syarikat adalah majikan peluang sama rata, yang bererti kami memperlakukan semua pemohon dengan sama rata. Syarikat tidak mendiskriminasi, sama ada secara langsung atau tidak langsung, atas alasan yang dilindungi: bangsa, warna, jantina, identiti jantina, orientasi seksual, kewarganegaraan, negara asal, asal usul etnik, agama, kepercayaan atau fahaman, umur, ketidakupayaan, status perkahwinan, atau maklumat genetik dalam apa jua bidang perekrutan.]

## **UNDANG-UNDANG YANG DIKENAKAN TERHADAP PERMOHONAN PEKERJAAN**

Laman 'Careers' membolehkan anda memohon pekerjaan yang bukan di AS di pelbagai lokasi, sebagai suatu manfaat daripada fungsi perekrutan global terpusat Syarikat. Laman 'Careers' dikendalikan dari Amerika Syarikat. Oleh itu, sebarang maklumat peribadi yang anda berikan kepada Laman 'Careers' akan dikumpul di Amerika Syarikat dan adalah tertakluk kepada undang-undang A.S. Walau bagaimanapun, jika kami berkongsi maklumat peribadi anda dengan ahli gabungan yang berada di negara lain dalam kapasitinya sebagai bakal majikan, ahli gabungan tersebut akan mengendalikan maklumat peribadi anda selaras dengan Notis ini. Apa-apa penggajian atau keputusan lain berkaitan dengan pekerjaan akan dibuat oleh ahli gabungan yang menggaji selaras dengan undang-undang negara yang menjadi lokasi pekerjaan.

**Laman 'Careers' tidak dirancang untuk diedarkan kepada, atau digunakan oleh mana-mana orang atau entiti di mana-mana bidang kuasa atau negara di mana pengedaran atau penggunaannya melanggar undang-undang atau peraturan tempatan.**

## **TENTANG KANAK-KANAK**

Laman 'Careers' tidak bertujuan digunakan oleh kanak-kanak di bawah umur 18 tahun.

## **KAKITANGAN SEDIA ADA SYARIKAT**

Jika anda kini bekerja untuk Syarikat atau salah satu ahli gabungan kami, anda hendaklah layak memohon jawatan lain di dalam WMG sebelum dapat menggunakan Laman 'Careers'. Jika anda menerima jawatan sedemikian, program manfaat dan dasar Sumber Manusia anda mungkin berubah. Sila berunding dengan pengurus HR bagi jawatan baharu tentang kelayakan untuk

memohon, program manfaat dan dasar HR yang dikenakan terhadap jawatan tersebut.

### **PERUBAHAN PADA NOTIS**

Kami merizab hak untuk meminda Notis ini pada bila-bila masa untuk menangani perkembangan masa hadapan Syarikat, ahli-ahli gabungannya, Laman 'Careers' atau perubahan pada trend industri atau undang-undang. Lambang "Tarikh Terakhir Dikemas Kini" di bahagian atas Notis ini menyatakan bilakah kali terakhir Notis ini diubah. Apa-apa perubahan akan menjadi berkuat kuasa apabila kami meletakkan Notis yang Diubah di Laman 'Careers'.

### **HUBUNGI KAMI**

Jika anda mempunyai apa-apa soalan atau permintaan, sila hubungi kami di [recruitment@wmg.com](mailto:recruitment@wmg.com) atau Warner Music Group Corp., Attn: Talent Acquisition, 1633 Broadway, 7<sup>th</sup> Floor, New York, NY 10019.

Oleh sebab komunikasi e-mel tidak sentiasa selamat, sila jangan masukkan maklumat sensitif di dalam e-mel anda kepada kami.

### **PENGAKUAN**

Notis ini adalah sebahagian daripada Terma-terma dan Syarat-syarat yang dikenakan terhadap Laman 'Careers'. Dengan menyetujui Terma-terma dan Syarat-syarat tersebut, anda juga mengakui bahawa anda telah menerima, menyemak dan memahami Notis ini.